

# Syor Hutan Simpan Chini diwartakan Hutan Perlindungan

Oleh [Asrol Awang](#) - Jun 13, 2021 @ 5:36pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Kawasan sekitar Tasik Chini, Pekan. - Foto fail NSTP

KUANTAN: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) akan mencadangkan kepada Kerajaan Pahang supaya keseluruhan Hutan Simpan Chini diwartakan sebagai Hutan Perlindungan di bawah Seksyen 10 Akta Perhutanan Negara 1984.

Pengarah JPNP, Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin, berkata bagi merealisasikan usaha penghutan semula, kira-kira RM10 juta akan diperuntukkan daripada pelbagai sumber untuk memulihkan kawasan seluas kira-kira 202.34 hektar.

"Pada Julai 2020, kerajaan negeri telah mengarahkan JPNP untuk menyegerakan aktiviti pemulihan di kawasan ceroboh lombong di Tasik Chini, selain mempergiat usaha memulihkan kawasan lombong yang dilakukan melalui Kumpulan Wang Pemulihan Lombong selepas tiada lesen baharu diluluskan sejak 2019.

"Usaha ini banyak dilakukan di kawasan zon penampian seluas 13.12 hektar dengan menanam pelbagai spesies buluh, tanaman tutup bumi serta spesies pokok bersesuaian seperti pokok merawan siput jantan dan meranti temak nipis," katanya dalam kenyataan hari ini.

Selain itu, JPNP dengan kerjasama Kementerian Tenaga dan Sumber Asli juga telah merancang Projek Perintis Perhutanan Sosial bersama Komuniti Orang Asli di kawasan berkenaan dengan beberapa siri konsultasi bersama masyarakat itu dari Kampung Gulum dan Kampung Melai, yang dilaksanakan sejak 2018.

Kerajaan negeri menerusi JPNP juga telah melancarkan kempen '1 pokok, 1 Rakyat Negeri Pahang' yang menyasarkan penanaman pokok sebanyak lima juta batang pada tahun ini, yang turut melibatkan kawasan sekitar Tasik Chini.

"Semua pokok yang ditanam di Chini akan direkodkan melalui kempen ini yang juga dilaksanakan bagi menyokong dan menjayakan Program Penghijauan Malaysia yang menyasarkan tanaman sehingga 100 juta pokok menjelang 2025," katanya.